

22/03/2002

BMW pilih Malaysia pusat operasi rantau Asia

Mahfar Ali

BMW, syarikat automotif terkemuka berpangkalan di Jerman, bersetuju menjadikan Malaysia sebagai pusat operasinya bagi seluruh rantau Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BMW itu membuat pengesahan itu dan mengemukakan permohonan menerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida).

"Cuma tunggu saya nak lulus dan Malaysia mengalu-alukannya," kata Dr Mahathir pada sidang akhbar sebelum mengakhiri lawatan rasmi tiga harinya ke Jerman, di Berlin, malam semalam.

Perdana Menteri yang berlepas pagi semalam bagi meneruskan lawatan ke Poland, berkata BMW akan menempatkan operasinya di Cyberjaya serta Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) untuk alat ganti dan sebagainya.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Berlin pada Selasa lalu.

Sebelum itu, Dr Mahathir melawat Munich, ibu negeri Bavaria di selatan Jerman. Di Munich, Dr Mahathir meluangkan masa melawat syarikat BMW bagi meninjau teknologinya, termasuk model terbaru Rolls Royce yang dikeluarkan BMW.

Rolls Royce sekarang dimiliki BMW. Selain Munich yang menjadi pusat operasinya di Eropah manakala Malaysia bagi rantau Asia, BMW juga menempatkan operasinya di Amerika Syarikat.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang turut menyertai rombongan itu, berkata BMW memilih Malaysia kerana kedudukan strategiknya dalam Asean dan mempunyai khidmat serta industri sokongan.

"Ini juga menunjukkan syarikat asing kini serius memanfaatkan peluang yang ditawarkan Afta (Kawasan Bebas Perdagangan Asean) serta faedah menjadikan Malaysia pusat operasi di Asia," katanya pada sidang akhbar berasingan.

Sehubungan itu, beliau berharap lebih banyak syarikat gergasi akan memindahkan operasi ke Malaysia menjelang 2005 apabila Afta melaksana sepenuhnya penghapusan tarif sektor automotif.

Katanya, operasi BMW di Malaysia juga membabitkan pusat pengurusan latihan kakitangan dan alat ganti serta kemungkinan pemasangan kereta pada masa depan.

Syarikat itu, katanya, turut mengemukakan permohonan untuk memiliki 100 peratus ekuiti dalam projeknya di Malaysia dan ini selaras dasar Malaysia.

Rafidah bagaimanapun berkata, pada masa ini pemasaran kereta BMW di Malaysia dilakukan menerusi Sime Darby Bhd dan kedua-dua pihak masih membincangkan aspek pengedaran.

"Mereka perlu mencari penyelesaian dan formula sendiri, tetapi pagi ini saya diberitahu sudah ada tanda perbincangan BMW dengan rakan kongsinya di Malaysia dapat diselesaikan.

"Bagi kementerian saya, kita menyokong penyertaan mana-mana syarikat besar seperti BMW dan saya akan menulis kepada Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menyatakan sokongan kementerian," katanya.

Beliau berkata, sokongan itu selaras hasrat kerajaan menjadikan Malaysia pusat operasi serantau bukan saja sektor pembuatan dan automotif, malah perkhidmatan lain.

Penyertaan BMW menjadikannya syarikat automotif luar pertama menjadikan Malaysia pusat operasi serantau.

Dalam sektor kewangan pula, Citibank mempunyai pejabat wilayah di Pulau Pinang dan Standard Chartered juga menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi wilayahnya.

(END)